

26 JAN 1996

(Bahagian kedua daripada siri tiga bahagian)

MEASAT 1 - KINI DI BAWAH KAWALAN LANGKAWI

Oleh: Salbiah Said who was recently in French Guiana

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Idea memiliki sebuah satelit tidak pernah terlintas di fikiran kita 10 atau 15 tahun lalu. Malahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui bahawa beliau sendiri kurang pasti apabila ia pertama kali diilhamkan beberapa tahun lalu.

Malahan teknologi menghantar sebuah roket ke angkasa, apa lagi "satelit", tidak pernah kita fikirkan. Perkataan satelit ketika itu pada amnya difahami bermakna sebuah jujuk astronomi yang berpusing, seperti bulan.

Tetapi semua itu kini telah berlalu dan era yang mengkagumkan telah berlaku bagi Malaysia. Ini ialah apabila ia menyedari bahawa impian fiksyen sains boleh menjadi realiti yang berguna.

Ini dilahirkan oleh kebangkitan satelit komunikasi yang pertama Malaysia, Measat-1. Measat, iaitu ringkasan bagi Satelit Asia Timur Malaysia, dimiliki dan dikendalikan oleh Binariang Sdn Bhd, yang diperbadankan pada 1993 dengan modal berbayar RM100 juta.

Measat akan mengadakan alat yang ideal untuk menghubungkan rakyat Malaysia sesama sendiri dan jiran-jiran mereka di Asia Timur.

Ini bukan sahaja menampilkan peranan Malaysia sebagai pusat komunikasi rantau Asia tetapi juga merupakan sebahagian penting di dalam keperluan komunikasi dan penyiaran negara.

Meringkaskan apa yang pengerusi Binariang Tun Mohd Hanif Omar katakan selepas pelancaran yang berjaya di Kourou kira-kira dua minggu lalu, "Sembilan belas juta rakyat Malaysia mestinya gembira kerana mereka kini mempunyai satelit mereka sendiri - kali pertama adalah yang paling manis. Para jurutera kita akan mengawasi dan melihat sama ada kita mempunyai bayi yang unggul."

Selepas perjalanan ke kiraan masa terakhir yang tidak menentu - kegendalaan pelancarannya - Measat 1 akhirnya dilancarkan daripada Pusat Angkasa French Guiana di Kourou pada pagi 13 Jan (waktu Malaysia).

Pengurus kanan Binariang Satellite Systems Sdn Bhd (Operasi Komersil Measat) Abdul Halim Abdul Hamid, berkata satelit itu akan "sampai" ke Langkawi menjelang 29 Jan, yang pada masa itu, semuanya sudah sedia bagi pulau itu, yang telah dikenal pasti sebagai pusat penerbangan angkasa negara.

Abdul Halim berkata di Kourou baru-baru ini bahawa Measat 1 akan berada di slot orbit 91.5 darjah Timur pada ketinggian 35,900 km.

Selepas pelancaran yang berjaya itu, Pusat Komunikasi Angkasa Hughes dan para jurutera Binariang telah memulakan beberapa ujian dari Langkawi dan California dan telah menggunakan data telemetri pesawat angkasa dari Pusat Kawalan Satelit Measat di Langkawi.

Mulai hari ini, Measat 1 akan menjalani beberapa siri ujian muatan komunikasi yang meluas untuk mengesahkan dan mengoptimumkan prestasi sistem komunikasi. Ujian-ujian itu akan dijalankan khas dari Langkawi dan akan termasuk ujian awal muatan siaran digital canggih.

Berikutan fasa ujian ini, yang dijangka selesai dalam masa kira-kira empat minggu, Measat 1 akan disahkan untuk memasuki perkhidmatan dan dapat memberikan negara dan rantau ini perkhidmatan telekomunikasi dan siaran digital yang bermutu tinggi.

Measat 1 akan mengadakan liputan C dan Ku-band Asia Timur bermula pada pertengahan 1996. Measat 2, yang dijangka dilancarkan pada Oktober tahun ini akan akhirnya memberi liputan tambahan ke utara Queensland (Australia),

Indonesia dan Vietnam. -- BERNAMA